




Kau Sayangku

Bikash Nur Idris

Download now

Read Online ➞

Kau Sayangku

Bikash Nur Idris

Kau Sayangku Bikash Nur Idris

"Jika rindu itu berbunga cinta

Air mata itu pula adalah embun di kelopaknyanya"

Sinopsis Belakang Buku :

KAU SAYANGKU mengisahkan seorang gadis yang pada zahirnya seorang yang periang, tapi di sebalik gelak ketawa, senda gurauanya, tersimpan satu kisah yang agak pahit untuk ditelan. Adik kembarnya telah pergi bersama cinta yang tidak kesampaian dan keluarganya telah dibenci oleh ibu saudaranya sendiri.

Kehadiran Eddy Sham dan Akif Zamani telah mengocak jiwa remaja Arisa. Kedua-duanya mempunyai personaliti yang menarik dan berkarisma. Mereka mempunyai impian yang sama iaitu ingin memberi dan menerima cinta. Tapi sayang... satu hati hanya berhak untuk satu jiwa. Lantaran, Eddy Sham terpaksa mengalah dan membiarkan Akif zamani meraikan kemenangan cintanya. Sayang sekali... di saat cinta sampai ke puncak, sesuatu yang tidak diingini terjadi. Redhakah Akif menerimanya? Berjayakah Arisa mempertahankan cinta sedangkan nasib cintanya di tangan orang lain?

Kau Sayangku Details

Date : Published by Alaf 21

ISBN : 9831242068

Author : Bikash Nur Idris

Format : 432 pages

Genre : Novels

 [Download Kau Sayangku ...pdf](#)

 [Read Online Kau Sayangku ...pdf](#)

Download and Read Free Online Kau Sayangku Bikash Nur Idris

From Reader Review Kau Sayangku for online ebook

SS says

Cerita cinta fav ika. Cuma tak lari dari "klise" punya novel cinta which is watak hero mesti anak orang berada dan heroin gadis serba sederhana. Tapi apa pun, kalau dah nama minat tu. Tetap jugak membaca. Sebab during that time masa ika baca, zaman tu memang sangat la trend gila novel cinta sebegini rupa.

Ika suka sebab jalan cerita dia lain sikit. Macam mana Arisa Nurailiz ni menipu yang dia ada tunang nama "Akif Zamani". Padahal, dia takda tunang pun. Dia menipu sebab nak elak kena ganggu dengan Eddy Sham. Haha.

Alih alih, penipuan dia tu jadi real pulak sebab ada lelaki merangkap boss dia nama Akif Zamani. Arisa punya terkejut tu mcm haha tak sangka nama dia main petik je betul betul wujud. Ish. Nak dijadikan cerita, ika suka keletah comel Akif & Arisa. Banyak sangat scene scene manis yang memang boleh buat tersengih mcm kerang busuk.

Well, Bikash berjaya cipta watak jahat dalam novel ni which is Marina & anaknya. Sangat jahat okay. Geram gila. Sebab fyi, Arisa ni ada kembar nama Ayana. Tapi, sebab dendam mak sedara (Marina). Ayana ni meninggal. And also, Marina & mak Arisa Ayana kembar. Banyak konflik. Marina ni sampai sanggup buat apa sahaja as long as dia dan family dia dapat apa yang sepatutnya.

Ika recommend novel ni untuk sesiapa yang suka cerita manis manis potong kaki. Boleh menyelam ke dalam percintaan Akif & Arisa. Apa end up depa dua. Tunang ke? Kahwin ke? Hilang ingatan ke? Ha. kena baca.

Rinn Ramli says

I enjoy reading this book, gaya bahasa yang selamba, kelakar memang menarik minat utk terus membaca.. Kak su yang rekemen baca buku ni, siap bagi pinjam lagi, thanks so much. memang mengekek ngekek gelak biler baca. buku terus masuk my top ten list. congratulations Bikash Nur Idris.

serba sedikit tentang citer nih.. kisah tentang Arisa yang sering diganggu Eddy sham yg syok kat dia, utk mengelak dari Eddy sham, Arisa buat cerita yg dia dah bertunang with someone yg bernama akif zamani. Things jadi huru hara biler tiba2 saja ada manusia yang bernama Akif Zamani who turns out to be her new boss.

sangat suka dramanya kat tv. :)

sure fine whatever

Ryn says

best

Khairunnisa Ranam says

Best. Klaka giller. Most important of all, romantic! One of the to-die-for! Best! Best! Best!

Gobokairina says

Mula-mula baca novel ni pinjam daripada seorang kawan. Aku terus jatuh suka! Jadi, sudah tiba masanya menjadikannya sebagai koleksi sendiri ;D Kalau tak silap aku beli ini di Books Galore. Thanks ya ;D

Gaya bahasa yang sangat-sangat selamba dan penuh humor memang buat aku tertarik. Tak boleh tidak novel ni dibaca non-stop hik3 lalala5 ;P Cerita cinta komedi dan bergenre remaja ni sesuai juga untuk mereka yang mahukan hiburan yang ringan.

Ia bercerita tentang Arissa yang cuba melarikan diri daripada Eddy Sham yang tergila-gilakannya. Rimas bila dihipit dengan pelbagai cubaan mengurag oleh Eddy Sham yang memang tak makan saman tu, Arissa mereka cerita yang kononnya dia sudah bertunang. Dengan selamba pula bibirnya menuturkan nama “Akif Zamani” sebagai tunangannya. Idea gila yang memang tak masuk akal! hahaha Tetapi demi mengelak daripada si Eddy Sham dia sanggup.

Namun, siapa tahu ada pula insan yang bernama Akif Zamani muncul di sisinya. Si pria yang bujang itu merupakan bos baru di tempat kerjanya. Ternganga keja la si Arissa! Bila Akif Zamani dapat tahu hal berkenaan ‘pertunangan’ tu pula, dia mula naik angin. Dia sengaja mempergunakan hal itu sebagai tempat dia membalas dendam. Tiap-tiap hari ada saja akalanya untuk mengusik dan sekali gus menyakiti hati Arissa.

Kesabaran Arissa melayani setiap karenah Akif Zamani membuatkan hati Akif Zamani mula terpaut. Apatah lagi apabila masanya banyak dihabiskan bersama gadis ini. Dalam diam dia mula menyimpan niat, ‘pertunangan’ ini seharusnya diteruskan. Malah sepatutnya sudah pun diakhiri ke jinjang pelamin. Apa ya reaksi Arissa? Pastinya kenalah baca karya yang telah juga diterbitkan sebagai drama bersiri di tv2. Ala yang ada Ayu Raudah berlakon tu hik3 lalala5 ;P

Ps: Part sarung cincin tu memang aku suka! Gilalah memang tak pernah dibuat orang hik3 lalala5 ;P

kuzzeen says

Terbitan 2005.

Mungkin kalau aku membaca naskah ini fresh ketika diterbitkan, berbintang-bintang di langit ku sematkan di dada coverpage naskah yang syahdu ini.

Ini kisah percintaan yang catchy dan telah pun diadaptasikan. Bahasanya memang sesuai dengan jiwa remaja. Ceritanya juga lain daripada yang lain. Terselamat daripada tsunami nikah-paksa-kahwin-rela. Keletah si Akif ketika hendak menggoda Arisa memang boleh menyebabkan kesengihan luar sedar.

Sengihan tersebut pula makin lebar waktu majlis pertunangan keduanya. Dan penulis bijak sekali meninggalkan sesuatu yang manis bergula tapi amat luar biasa pada plot Arisa melamar Akif... SWEETTTT

Ain says

Tajuk buku : Kau Sayangku

Penulis : Bikash Nur Idris

Keluaran : Alaf 21

Halaman : 418 m/s

Ulasan Ain Sabrina :

Arisa Nurailiz, gadis yang tampak gembira sentiasa, rupanya memendam masalah dan duka. Dendam makciknya, Marina juga kematian kembarnya , Ayana Nurailin sering membawa duka di hati Arisa Nurailiz.

Kisah dimulakan dengan watak Eddy Sham yang seringkali cuba mengintai kasih Arisa. Arisa jelas menunjukkan rasa tidak senang hatinya dengan sikap Eddy namun Eddy masih tidak faham. Geram dengan sikap Eddy, akhirnya Arisa membuat cerita, kononnya dia sudah bertunang dan nama tunangnya Akif Zamani. Nama itu terkeluar dari mulut Arisa tanpa sedar sedangkan dia tidak pernah kenal sesiapa dengan nama itu.

Arisa terperangkap dalam penipuannya apabila watak tunangnya tiba-tiba muncul apabila bos barunya bernama Akif Zamani. Mengetahui penipuan itu, Akif Zamani menggunakan kesempatan itu untuk membuli Arisa. Arisa dibuli terus-terusan sampaikan dia ada menyimpan niat untuk berhenti kerja namun niatnya tertunai apabila tiba-tiba Akif memecat Arisa.

Rupanya segala tindakan Akif adalah untuk mengambil hati Arisa. Akhirnya kasih termetrai antara mereka. Namun kisah mereka banyak dugaan. Shareen, kekasih lama Akif yang juga anak saudara Makciknya, Marina cuba membuat onar sehinggakan Akif ditangkap basah dengannya. Tidak cukup dengan itu, juga ada kisah Arisa dicerderakan sehingga dia hilang 2 bulan tanpa khabar berita. Dia muncul sebagai Anya yang lupakan segalanya tentang Arisa. Dengan berkat usaha orang sekeliling, Arisa berupaya mengingat kembali semuanya termasuk watak Eddy namun watak Akif masih kabur. Lalu kisah lalu berulang kembali apabila Akif terpaksa sekali lagi mengambil hati Arisa sedangkan Arisa makin rapat dengan Eddy.

Mampukah kisah mereka dan kasih mereka kembali bertaut?juga kisah dendam Marina yang semakin berterusan.

Komen Ain Sabrina :

Buku ni antara buku yang paling saya suka zaman sekolah menengah. Pertama kali baca novel ini di asrama sekolah, pinjam novel ini dari seorang kawan. Selepas itu saya bagaikan angau dengan watak Akif Zamani sampaikan semua kawan-kawan satu bilik belajar di asrama dulu tahu. Dan untuk hadiah akhir tahun

tingkatan 5 ada seorang sahabat saya ni hadiahkan saya buku ini. Memang manis kenangan buku ini. Novel ini turut dibuat drama siri di TV1 yang bertajuk Dari Mata Arissa.

Sebab apa saya suka buku ini?

-Ayatnya sempoi dan lebih kepada keremajaan, sesuai dengan jiwa remaja.

-Banyak juga dialog dan kisah kelakar, lebih-lebih lagi kisah Arissa dengan Akif di saat awal perkenalan mereka.

-Watak Akif Zamani dan watak Arissa Nurailiz yang percayakan antara satu sama lain dan sangat menyayangi keluarga kedua-dua belah pihak.

-Kisah suka duka nya bercampur dan kisah dukanya tidak keterlaluan sangat memandangkan adanya watak Akif Zamani yang sentiasa membantu dan memberi sokongan kepada Arissa.

Kesimpulannya saya suka sangat kisah ini sebab watak akif zamani itu la ^^
sehinggakan saya pernah buat post ini dulu - Comel Betul Akif Zamani !!

hayatism says

Seriously best kot. even my first nephew's name inspired by this novel, his name is Akif Zamani xx

azian2575 says

Arisa & Akif Zamani
